

## **Semarak Ramadan UMP Bersama Pelajar Antarabangsa**



Kuantan, 31 Mei- Seramai 250 pelajar dan pensyarah antarabangsa dari pelbagai negara yang menuntut dan bertugas di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menikmati juadah berbuka puasa dalam Majlis Iftar Ramadan bertempat di Dewan Astaka, UMP Gambang. Program ini merupakan anjuran Pejabat Antarabangsa UMP dalam meneruskan tradisinya meraikan pelajar dan pensyarah dari pelbagai negara untuk berpeluang berbuka puasa bersama-sama pengurusan tertinggi universiti serta warga kampus.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran yang dibaca oleh Ali Ahmed Zain yang merupakan pelajar Jurusan Sarjana Pentadbiran Peniaga, Fakulti Pengurusan Industri. Majlis diserikan dengan kehadiran, Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama-sama berbuka puasa dengan pelajar dari negara Algeria, Yaman, Iraq, India, Afganistan, China, Bangladesh dan Pakistan. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim dan Pengarah Pusat Akademik & Kerjaya German, Dr. Muhamad Mat Noor.



Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr.Daing Nasir berkata, hampir setiap tahun penganjuran program berbuka puasa ini diadakan untuk memberi peluang pelajar dan pensyarah antarabangsa berbuka puasa bersama-sama dengan menikmati pelbagai juadah yang disediakan. Tambahan pula cabaran berpuasa di bulan Ramadhan tatkala berjauhan dengan keluarga dan negara tercinta merupakan pengalaman yang tidak akan dilupakan sepanjang hidup sepanjang bergelar mahasiswa.

"Majlis sebegini wajar diteruskan untuk membentuk hubungan silaturrahim yang erat dikalangan pelajar antarabangsa yang dari pelbagai negara. Malahan ianya dapat menjalinkan hubungan yang baik antara mahasiswa dari pelbagai negara termasuk mahasiswa yang bukan muslim untuk sama-sama merasai suasana Iftar di dalam kampus," katanya.

Bagi pelajar Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Sains Komputer, Mushtaq Ali ,40 dari Pakistan menzahirkan rasa syukur dan gembira dapat berbuka puasa bersama Naib Canselor dan Pegawai Utama UMP. Beliau menghargai peluang belajar di sini, walaupun merindui kampung halaman namun bertuah kerana dapat bertemu dengan masyarakat berbilang kaum di negara ini yang begitu peramah dan mudah mesra antara satu-sama lain.



Selain itu katanya, UMP turut menyediakan berbuka puasa secara percuma kepada pelajar setiap hari di Masjid UMP dengan pelbagai menu yang disediakan. Manakala bagi rakannya, Amina Imu Zheng Xiaoming, 33, dari negara China melahirkan perasaan gembira dapat berpeluang menyambut bulan Ramadan di Malaysia dan berpeluang mengerjakan solat Sunat Terawih bersama-sama pelajar lain.

Beliau yang sedang mengikuti program Sarjana Sains, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan berkongsi cerita mengenai kepelbagai menu yang disediakan bukan sahaja lazat namun beraneka jenis yang disajikan semasa berbuka puasa. Dalam ini memberi peluang pelajar dari negara Bangladesh, Pakistan dan Iraq turut menyediakan makan tradisional negara masing-masing untuk dinikmati bersama pengunjung yang hadir.

**Disediakan Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 01-06-2017, 14:00:41